

Bil. 8

Khamis

26 Mei 2016



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- Isu Peneroka dan Petani Cameron Highlands Melalui Ops Gading - YB. Tuan Hee Loy Sian (*Petaling Jaya Selatan*) - m.s. 1
- Isu Ketiadaan Kewarganegaraan dan *Stateless Kids* - YB. Puan Teo Nie Ching (*Kulai*) – m.s. 4

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB

11. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
12. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
13. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
14. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
15. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRs
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
20. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
21. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
22. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
23. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
24. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
26. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO

27. Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] – UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
31. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
32. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
33. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
34. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
36. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [*Kosong*]
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Taphah] – MIC
3. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
9. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [*Kosong*]
14. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
15. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
18. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
20. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB

22. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulau] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO

7. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
18. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
19. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO
20. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato' Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] – UMNO
24. “ Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
25. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
26. “ Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
27. “ Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
28. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS

30. Yang Berhormat Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
38. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
39. “ Dato’ Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
40. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
41. “ Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
42. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
43. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
44. “ Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh] - UMNO
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
47. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
48. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
49. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
50. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
51. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
52. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO

53. Yang Berhormat Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
54. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
55. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
56. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
57. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
58. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
59. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
60. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
61. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
62. ” Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
63. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
64. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
65. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
66. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
67. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
68. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
69. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
70. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
71. “ Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO
72. “ Kuala Kangsar [*Kosong*]
73. ” Sungai Besar [*Kosong*]

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]

2. Yang berhormat Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
10. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
11. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
16. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
17. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
18. “ Datuk Mohd Idris bin Jusri, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
19. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
20. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
21. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
22. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
23. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
24. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
25. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
26. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
27. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]

33. Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANA)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

BEBAS

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M.,
D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

PARLIMEN MALAYSIA

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Mohd Sazali bin Mohd Zin

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Nurul Fadhilah binti Ibharim

Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 26 Mei 2016**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Isu Peneroka dan Petani Cameron Highlands Melalui Ops Gading

2.33 ptg

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu peneroka dan petani Cameron Highlands melalui Ops Gading.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini kepada sebuah operasi yang dilancarkan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk membasmi penerokaan haram, mencegah aktiviti pendatang asing tanpa izin dan memulihara alam sekitar.

Kebanyakan petani kecil diambil tindakan dalam Ops Gading Fasa 1 tidak dapat mengelakkan tragedi tersebut daripada berlaku kerana selama ini mereka bercucuk tanam di atas tanah kerajaan secara haram sejak turun temurun. Operasi yang melibatkan lebih kurang 300 orang anggota daripada 16 buah agensi kerajaan langsung tidak mengendahkan rayuan para petani yang sebahagian besarnya warganegara Malaysia untuk memberi kelonggaran selama seminggu sebelum tanaman mereka dimusnahkan kerana mereka perlukan masa untuk menuai hasil mereka.

Akan tetapi rayuan mereka langsung tidak diendahkan, malah melayan para petani itu seperti penjenayah dan penceroboh. Beribu-ribu tan bunga dan sayur dimusnahkan dengan jentolak.

Faktor kepada permasalahan ini datangnya daripada peladang yang besar, penerokaan berskala kecil, pembangunan hotel-hotel, kedai-kedai dan sebagainya. Apa yang menjadi tumpuan para penguasa ialah peneroka-peneroka. Mangsa-mangsa ini telah mengalami kerugian yang tidak ternilai.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin menyatakan di sini bahawa rasuah dalam permohonan geran dan lesen tanah di Cameron Highlands merupakan perkara biasa. Ramai petani dibenarkan oleh pejabat tanah untuk menerokai tanah secara haram. Malahan, mereka dikenakan bayaran secara tidak rasmi. Ada juga petani yang memohon lesen tanah melalui orang tengah atau agen diberitahu bahawa mereka merupakan pemilik tanah yang sah, tetapi hanya sedar sebenarnya mereka peneroka haram apabila Ops Gading bermula.

Semasa Ops Gading Fasa 1, seramai 83 orang petani telah disiasat oleh pihak polis. Siasatan tersebut termasuk kemungkinan penglibatan unsur-unsur rasuah dalam permohonan lesen dan milik tanah. Petani yang dikenakan tindakan dalam Ops Gading Fasa 1 dan yang disiasat, digalakkan oleh pihak SPRM supaya berani membongkar insiden rasuah dan nama-nama pegawai pejabat tanah yang terlibat. Ini tidak munasabah sekali kerana kalau tiada pegawai yang menerima rasuah, manalah ada petani yang memberi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian mengenai jenis pampasan yang akan diberikan kepada petani yang menjadi mangsa operasi di mana tanaman, kebun dan rumah-rumah hijau serta perkakasan perkebunan yang telah dimusnahkan.

Apakah dasar dan tindakan yang telah kerajaan ambil untuk memastikan permohonan tanah bagi petani yang tulen diluluskan supaya mereka dikeluarkan daripada kategori peneroka haram? Berapa ramai pegawai kerajaan Cameron Highlands khususnya di pejabat tanah telah disiasat, diberkas atau didakwa atas tuduhan menerima rasuah? Sekiranya tiada, apakah alasannya? Berapakah jumlah perbelanjaan dalam Ops Gading Fasa 1 dan Fasa 2 akan datang? Adakah ia diumumkan? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.37 ptg

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan atas hal-hal dinyatakan tadi dan sesungguhnya kerajaan sentiasa memberi pertimbangan yang serius dalam hal-hal yang dikemukakan tersebut.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Ops Gading Fasa 1 telah bermula pada 4 Disember 2014 sehingga 31 Disember 2015. Dalam fasa ini, operasi melibatkan penguatkuasaan bagi memusnahkan kawasan-kawasan kebun haram yang telah dikenal pasti termasuk usaha untuk menangkap pendatang asing tanpa izin (PATI).

Kerajaan mengambil maklum akan kesulitan yang dihadapi oleh pekebun kecil. Malahan, sebelum daripada ini pun beberapa amaran telah dikeluarkan bagi pemberhentian aktiviti penerokaan tanah haram yang telah mengakibatkan kerosakan kepada ekosistem yang turut mengakibatkan banjir besar di Cameron Highlands.

Namun begitu, walaupun terdapatnya pelanggaran undang-undang negara, kerajaan masih prihatin dan telah memutuskan agar pekebun kecil yang telah mengusahakan pertanian sejak 20 hingga 30 tahun yang lalu dikecualikan daripada tindakan penguatkuasaan buat sementara waktu sehingga keputusan Lesen Penduduk Sementara (LPS) dipertimbangkan.

Mengenai jenis pampasan yang akan diberikan kepada petani yang menjadi mangsa operasi di mana tanaman kebun dan rumah-rumah hijau serta perkakasan perkebunan yang telah dimusnahkan. Memandangkan peneroka-peneroka kawasan pertanian berkenaan adalah di luar daripada batas undang-undang, pada asasnya tiada pampasan yang dapat dipertimbangkan. Tambahan pula pencerobohan haram yang dilakukan telah mengakibatkan kesan kerosakan jangka panjang di Cameron Highlands.

Berkaitan persoalan dasar dan tindakan yang telah diambil pihak kerajaan untuk memastikan permohonan tanah bagi petani yang tulen diluluskan supaya mereka dikeluarkan daripada kategori haram, kerajaan negeri Pahang melalui Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (SUK) Pahang dan Pejabat Tanah dan Galian Pahang (PTG) Pahang telah mengambil pendekatan pro aktif dengan memaklumkan kepada para pekebun haram yang terlibat melalui platform media masa bahawa tawaran permohonan LPS dibuka kepada semua bagi tujuan tapisan dan kelulusan jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

■1440

Selain penelitian oleh Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Cameron Highlands sendiri, mereka juga meneliti kajian dan ulasan teknikal pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Kerja Raya Cawangan Kajian Cerun. Sekiranya semua kriteria dipatuhi, permohonan mana-mana individu wajar dipertimbangkan untuk kelulusan pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Mengenai persoalan tentang jumlah pegawai kerajaan Cameron Highlands khususnya di pejabat tanah yang telah disiasat, diberkas atau didakwa atas tuduhan menerima rasuah, adalah dimaklumkan di sini bahawa siasatan-siasatan salah laku pegawai-pegawai kerajaan sentiasa dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) bagi mana-mana pihak yang terlibat. Setakat ini, tiada bukti yang jelas untuk sebarang tindakan undang-undang diambil ke atas pegawai-pegawai kerajaan yang telah dituduh menerima rasuah. Pemantauan-pemantauan sentiasa dijalankan bukan sahaja sepanjang Ops Gading, tetapi ia dilaksanakan sepanjang masa dan berterusan.

Terakhir, tentang berapakah jumlah kos operasi Ops Gading Fasa 1 dan 2 yang akan datang dan adakah ia akan diumumkan. Jumlah kos Ops Gading Fasa 1 adalah besar, berjumlah melebihi RM5 juta. Manakala kos bagi Fasa 2 tidak dapat ditentukan memandangkan ia masih belum dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak berlaku pencerobohan dan kegiatan haram di Cameron Highlands, kerajaan sebenarnya tidak perlu menanggung perbelanjaan operasi dan kerugian yang sebegini besar dapat dielakkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Tidak ada soal jawab atau pencerahan dalam ucapan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17. Sila Yang Berhormat.

Isu Ketiadaan Kewarganegaraan dan *Stateless Kids*

2.42 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada sidang Parlimen yang lalu, Dewan Rakyat telah membincangkan isu "*stateless children*", dengan izin, dan isu kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang lahir sebelum ibu bapa mereka membuat pendaftaran perkahwinan atau melahirkan anak sebelum berkahwin. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, jika ada permohonan untuk mengeluarkan sijil kelahiran, maka atas dasar budi bicara dan perikemanusiaan, KDN akan mengeluarkan sijil kelahiran untuk mereka mendapatkan tempat di alam persekolahan.

Baru-baru ini, pejabat saya telah menerima satu kes yang berkaitan dengan isu ini. Pengadu Encik Ek Diew Ging memiliki 3 orang anak sebelum perkahwinan beliau didaftarkan. Sudah tiga kali permohonan kewarganegaraan dibuat.

Namun sehingga ke hari ini, permohonan mereka masih ditolak sedangkan ketiga-tiga anak mereka telah pun mencecah usia 21 tahun, 19 tahun dan 17 tahun masing-masing. Ujian paterniti DNA pun telah mereka lakukan bagi membuktikan ketiga-tiga anak itu adalah anak beliau. Surat rayuan dan sesalinan laporan ujian paterniti DNA pun telah diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat pada 17 Mei yang lalu.

Ketiadaan kewarganegaraan telah menyebabkan banyak kesulitan kepada kanak-kanak yang tidak berdosa. Sejak 1 Januari tahun ini, kesemua pesakit yang bukan warganegara Malaysia perlu membayar caj penuh di hospital kerajaan. Ini akan membebankan keluarga yang kurang berkemampuan. Bukan itu sahaja, kanak-kanak yang tidak bertaraf kewarganegaraan juga menghadapi masalah apabila mereka ingin masuk sekolah kerajaan. Mereka diminta membayar fi penuh, diwajibkan untuk membeli buku teks dan tidak layak untuk memohon PTPTN.

Anak-anak yang tidak ada taraf kewarganegaraan juga tidak boleh memiliki pasport dan lesen memandu. Selain daripada itu, mereka yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan ini juga sukar untuk mendapatkan pekerjaan, tidak boleh membuka akaun bank dan tidak mampu membeli harta benda seperti kereta dan rumah. Adalah amat tidak adil untuk kita menghukum anak-anak yang tidak berdosa ini atas kesalahan atau kecuaihan ibu bapa mereka.

Semenjak tahun 2008 hingga 2015, KDN telah menganugerahkan kewarganegaraan kepada 47,232 orang. Memandangkan kita boleh menganugerahkan kewarganegaraan kepada warga asing, kenapakah kita enggan dan terus menyusahkan anak-anak warga negara kita sendiri? Justeru itu, setelah kita membincangkan isu pemilikan sijil lahir dengan panjang lebar pada sidang yang lalu, apakah tindakan dan keputusan seterusnya yang akan diambil oleh KDN bagi menangani masalah kewarganegaraan ini pula?

Soalan saya kepada KDN yang pertama sama ada KDN akan mempertimbangkan dan meluluskan permohonan kewarganegaraan anak-anak Er Diew Ging memandangkan laporan ujian paterniti DNA telah diserahkan kepada KDN? Kedua, sama ada KDN berhasrat untuk mewujudkan sebuah *taskforce* untuk mempermudah proses permohonan kewarganegaraan sebegini? Sekian sahaja, ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.46 ptg

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai.

Mana-mana kelahiran yang berlaku di Malaysia sama ada dalam kalangan warganegara ataupun bukan warganegara perlulah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan pendaftaran kelahiran ini ditadbir di bawah tiga undang-undang berikut:

- (i) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 bagi kelahiran yang berlaku di Semenanjung Malaysia;
- (ii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Bab 123) untuk kelahiran yang berlaku di Sabah; dan
- (iii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak Bab 10) 1951 bagi kelahiran yang berlaku di negeri Sarawak.

Perlu diberi perhatian bahawa dokumen pendaftaran kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN hanyalah sebagai bukti bahawa kelahiran telah berlaku di Persekutuan dan ia tidak menyebabkan kanak-kanak tersebut memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Ini kerana penentuan kewarganegaraan adalah tertakluk kepada status perkahwinan dan kewarganegaraan ibu atau bapa kanak-kanak tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi kelahiran yang berlaku tanpa perkahwinan, maka penentuan kewarganegaraan kanak-kanak adalah berdasarkan kepada kewarganegaraan ibunya sahaja seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 17, Jadual Kedua, Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga asing tanpa perkahwinan walaupun lelaki yang didakwa sebagai bapa kanak-kanak tersebut merupakan warganegara Malaysia, maka kanak-kanak tersebut akan tetap didaftarkan sebagai bukan warganegara.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ketiga-tiga anak Ek Diew Ging iaitu Ek Yu Wen 21 tahun, Ek Zong Wei 19 tahun, dan Ek Zhong Sheng 17 tahun telah dilahirkan di Malaysia dan telah didaftarkan sebagai bukan warganegara. Ek Diew Ging juga didapati tidak mendaftarkan perkahwinan dengan isterinya yang merupakan seorang warganegara Indonesia sehingga menyebabkan ketiga-tiga anaknya dilahirkan di luar ikatan perkahwinan.

Pendaftaran perkahwinan hanya dibuat pada tahun 2001 iaitu selepas ketiga-tiga anaknya masing-masing dilahirkan pada tahun 1995, 1997 dan 1999. Berdasarkan rekod JPN, anak pertama dan anak ketiga pemohon bukan bertaraf *stateless* tetapi merupakan warganegara Indonesia. Ek Diew Ging hanya mula mengemukakan permohonan kewarganegaraan anak-anaknya pada tahun 2012 iaitu semasa anak pertama berusia 17 tahun, anak kedua berusia 15 tahun dan anak ketiga berusia 13 tahun. Permohonan tersebut telah ditolak kerana kegagalan pemohon mengemukakan maklumat bagi membuktikan kelayakannya untuk dianugerahkan kewarganegaraan.

Selain itu, timbul keraguan terhadap anak pertama pemohon kerana pendaftaran kelahirannya hanya dibuat pada 2008 iaitu selepas 13 tahun daripada tarikh kelahirannya. Ini bermakna Ek Diew Ging telah mendaftarkan kelahiran anak kedua dan anak ketiga lebih awal iaitu masing-masing pada tahun 1997 dan 1998, manakala pendaftaran kelahiran anak pertama hanya dibuat pada tahun 2008. Perlu juga diambil maklum bahawa semasa permohonan dikemukakan pada tahun 2012 dan 2013, tidak ada dilampirkan keputusan ujian DNA. Bagi permohonan terkini Encik Ek Diew Ging yang dikemukakan pada 29 September 2015, KDN juga telah memberikan perhatian sewajarnya kerana pemohon didapati telah mengemukakan maklumat tambahan yang diperlukan.

Berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan sebuah *taskforce* bagi mempermudah proses permohonan kewarganegaraan, KDN ingin menegaskan bahawa penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia. Setiap permohonan kewarganegaraan memerlukan penelitian yang terperinci kerana ia akan menyebabkan individu yang berkenaan menikmati keistimewaan dan hak yang sebelum ini dinikmati oleh seseorang yang berstatus warganegara sahaja.

KDN juga sudah mempunyai *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi mengendalikan kes-kes permohonan seperti Ek Diew Ging. Justeru, kegagalan permohonan mengemukakan maklumat yang telah disyaratkan akan menjejaskan permohonan yang dikemukakan kerana beban untuk membuktikan kelayakan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini merupakan tanggungjawab setiap pemohon juga.

Oleh itu, KDN ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta kerjasama Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat akan kesan dan implikasi seseorang warganegara Malaysia menjalinkan hubungan dengan warga asing sehingga menyebabkan kelahiran kanak-kanak tanpa perkahwinan yang sah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan. Terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.52 petang]